

LAMPIRAN 1

PELAN PERSEDIAAN DAN TINDAKAN KECEMASAN

DEFINISI

Kecemasan / bencana adalah kejadian tidak dirancang yang boleh berlaku pada bila-bila masa. Sesuatu insiden kecemasan / bencana akan merugikan syarikat dari segi harta benda, wang, masa, pekerja dan lain-lain.

Penting untuk sesebuah syarikat memastikan perancangan rapi dilakukan untuk menangani sesuatu kecemasan / bencana. ERP yang efektif akan memberi faedah berikut kepada syarikat :-

- berupaya mengawal keadaan kecemasan / bencana.
- mengurangkan kadar kerosakan harta benda.
- mengurangkan jumlah pekerja yang mungkin tercedera / mengalami kecederaan teruk

JENIS KECEMASAN

- ☐ Kebakaran
- ☐ Gegeran
- ☐ Putus Bekalan Kuasa
- ☐ Kecederaan atau Tidak Sedarkan Diri
- ☐ Wabak Penyakit
- ☐ Rusuhan
- ☐ Ancaman Bom
- ☐ Pengganas / Sabotaj


Pelan Persediaan dan Tindakan Kecemasan

Tujuan:

- Untuk memastikan keselamatan kakitangan dan orang lain apabila berlakunya situasi kecemasan.
- Menyediakan pelan pengungsian yang seragam dan sistematik.
- Memastikan tindakan segera diambil bagi mengawal situasi dan memberi bantuan ketika kecemasan.

Pelan Persediaan dan Tindakan Kecemasan

PASUKAN TINDAKAN KECEMASAN



Tugas dan Tanggungjawab

Komander/ *Timb. Komander Kecemasan

Sebelum	Semasa	Selepas
Memastikan maklumat berkaitan operasi yang memerlukan perhatian pasukan tindakan kecemasan dikemaskini.	Sebagai wakil pengurusan dan bertanggungjawab sepenuhnya mengendalikan situasi kecemasan.	Menyemak semula keberkesanan Pelan Tindakan Kecemasan selepas latihan atau kejadian kecemasan.
Memastikan Pelan Tindakan Kecemasan sediaada disemak dan dikemaskini.	Bertanggungjawab memberi arahan pemberhentian operasi berdasarkan keterukkan situasi kecemasan.	Membuat penambahbaikan pelan tindakan kecemasan sediaada berdasarkan dari hasil siasatan atau semakan.
Memastikan latihan kecemasan atau pengungsian dijalankan seperti yang disyaratkan.	Bertanggungjawab untuk memberi arahan pengungsian ketika berlakunya kecemasan.	
	Bekerjasama dengan wakil agensi kecemasan.	
Memastikan kesederan terhadap Pelan Tindakan Kecemasan di kalangan penghuni bangunan.	Bertanggungjawab untuk memberi arahan kebenaran memasuki semula atau menyambung semula operasi selepas kecemasan.	* Tugas komander diambilalih oleh Timbalan Komander semasa ketiadaan beliau.
	Melaporkan kejadian kecemasan yang berlaku kepada pihak pengurusan atasan.	

Tugas dan Tanggungjawab

Sekuriti.

Sebelum	Semasa	Selepas
Memastikan laluan kecemasan di bahagian tangga dan kawasan perhimpunan bebas dari sebarang halangan.	Memastikan anggota berada disetiap laluan kecemasan bagi membantu kakitangan atau pelawat berkumpul di tempat yang disediakan ketika kecemasan,.	Membantu didalam menyemak semula keberkesanan Pelan Tindakan Kecemasan sediada.
Memastikan kedudukan kenderaan yang diletakkan di parkir yang disediakan serta di pintu masuk kawasan tidak menghalang laluan BOMBA atau AMBULAN.	Memastikan laluan keluar dan masuk ke dalam bangunan atau premis dikawal bagi mengelakkan orang tidak berkaitan memasuki kawasan kecemasan.	
Memastikan peralatan kawalan trafik atau peralatan kecemasan yang berkaitan berada keadaan baik.	Membantu agensi kecemasan ke tempat kawalan kecemasan.	
	Mengawal lalulintas dan memastikan keselamatan di kawasan perhimpunan	
	Membantu untuk memadam/mengawal kebakaran ketika berlaku di luar waktu pejabat.	

Tugas dan Tanggungjawab

Mencari & Menyelamat.

Sebelum	Semasa	Selepas
Memastikan peralatan kecemasan yang disediakan berada dalam keadaan baik dan berfungsi. Peralatan yang dinyatakan:- • First Aid Box • Stretcher (sekiranya ada) • Walkie-talkie • Topi Keselamatan • Jaket Pantul Cahaya • Lampu Suluh • Wisel • Selimut • Topeng Bantuan Pernafasan • <i>AED</i>	Melakukan pemeriksaan apabila loceng kecemasan aktif.	Membantu didalam menyemak semula keberkesanan Pelan Tindakan Kecemasan sediada.
	Mengawal dan memadam kebakaran sekiranya keadaan selamat dilakukan.	Memeriksa keadaan peralatan selepas digunakan dan melaporkan sebarang kerosakan.
Memastikan memahami sepenuhnya Pelan Tindakan Kecemasan, kawasan kerja serta penggunaan peralatan kecemasan sediada.	Membantu kakitangan-kakitangan yang memerlukan bantuan semasa pengungsian.	Melaporkan jumlah kakitangan yang cedera dan diberi rawatan.
	Mencari kakitangan-kakitangan yang dilaporkan tiada di tempat berkumpul.	
	Memberi rawatan First Aid bagi kakitangan yang memerlukan.	
	Membantu pihak BOMBA sekiranya diperlukan semasa kerja-kerja menyelamat atau memadam api dilakukan.	

Tugas dan Tanggungjawab

Pencatat Kejadian.

Sebelum	Semasa	Selepas
Memastikan rekod-rekod berkaitan kecemasan dikemaskini dan disimpan dengan baik.	Merekodkan dengan terperinci setiap proses/aktiviti/kejadian lengkap dengan tarikh dan masa samada dalam situasi sebenar atau latihan. Pastikan situasi setiap kali loceng kecemasan aktif.	- Menyediakan laporan setiap kejadian kecemasan yang berlaku dan juga selepas latihan. - Membantu di dalam mengkaji keberkesanan pelan tindakan kecemasan dan membuat penambahbaikan.

Tugas dan Tanggungjawab

Logistik & Komunikasi.

Sebelum	Semasa	Selepas
- Membekal dan memastikan peralatan kecemasan yang disediakan berada dalam keadaan baik dan berfungsi. Peralatan yang dinyatakan:- - First Aid Box - Stretcher (sekiranya ada) - Walkie-talkie - Topi Keselamatan - Jaket Pantul Cahaya - Lampu Suluh - Wisel - Selimut - Topeng Bantuan Pernafasan - AED - Pembesar Suara MudahAlih - Placard - Kerusi Roda Memastikan peralatan/kemudahan/utiliti berada di tempat yang ditetapkan.	- Menghubungi Agensi Kecemasan apabila menerima arahan dari Komander. - Memaklumkan kejadian kecemasan kepada Unit OSHE Negeri/Pejabat. - Memastikan peralatan atau kemudahan disediakan apabila diperlukan.	Membantu di dalam mengkaji keberkesanan pelan tindakan kecemasan dan membuat penambahbaikan. * Sebarang komunikasi dengan pihak media atau orang luar tidak dibenarkan. Ianya hendaklah diserahkan kepada pihak Komunikasi Korporat

Tugas dan Tanggungjawab

Penjaga Tingkat/ Marshall

Sebelum	Semasa	Selepas
- Memeriksa peralatan kecemasan yang disediakan di tingkat berkenaan seperti: - Fire extinguisher - First Aid Box - Pelan Laluan Kecemasan dalam keadaan baik. Sebarang kerosakan perlu dilaporkan ke CBM. - Memastikan rekod kakitangan (<i>Headcount & Person With Disability</i>) sentiasa dikemaskini. - Memastikan susunatur serta laluan kecemasan di tingkat berkenaan tidak terhalang. - Memberi penerangan kepada anggota baru di tingkat berkenaan tentang tatacara tindakan kecemasan. - Tahu menggunakan peralatan-peralatan kecemasan sediada. - Memastikan pintu rintangan api sentiasa dalam keadaan baik dan ditutup.	- Memastikan situasi setiap kali loceng kecemasan aktif. - Mengarahkan kakitangan di tingkat berkenaan keluar melalui laluan kecemasan apabila menerima arahan pengungsian. - Memastikan tiada kakitangan / pelawat semasa meninggalkan tingkat. - Membuat kiraan jumlah kakitangan / pelawat di tempat berkumpul serta melaporkan kepada ketua kawasan perhimpunan. - Melaporkan dengan segera kepada Ketua Perhimpunan sekiranya kakitangan didapati tiada atau dikhuatiri tertinggal didalam bangunan. - Mendapatkan bantuan bagi membantu kakitangan/pelawat yang memerlukan.	- Membantu di dalam menyemak semula keberkesanan Pelan Tindakan Kecemasan sediada. - Memeriksa keadaan peralatan kecemasan ditingkat berkenaan dan melaporkan sebarang kerosakan. - Mendapatkan maklumbalas dari setiap kakitangan berkenaan tindakan kecemasan yang telah diambil.

Tugas dan Tanggungjawab

Teknikal

Sebelum	Semasa	Selepas
- Memastikan peralatan pencegahan dan pengawalan kebakaran diselenggara dalam keadaan baik dan berfungsi. - Melakukan pemeriksaan teknikal secara berkala. - Menyediakan dan mengemaskini maklumat teknikal berkaitan keperluan kecemasan termasuk lukisan-lukisan bangunan. - Membantu pihak BOMBA semasa melakukan pemeriksaan bangunan.	- Berada di bilik kawalan dan bantu pihak BOMBA berkaitan hal-hal teknikal jika diperlukan. - Melakukan analisa setiap kali loceng kecemasan berbunyi dan memaklumkan kepada komander untuk tindakan seterusnya.	- Memeriksa bangunan atau peralatan pencegahan dan pengawalan kebakaran/kecemasan dan membaiki sebarang kerosakan dengan segera. - Melaporkan kerosakan-kerosakan akibat dari kejadian kecemasan yang berlaku. - Membantu di dalam menyemak semula keberkesanan Pelan Tindakan Kecemasan sediaada.

Tugas dan Tanggungjawab

Pegawai Perhimpunan.

Sebelum	Semasa	Selepas
Memastikan kawasan berhimpun bebas dari sebarang halangan dan juga peralatan atau kemudahan sediada berada didalam keadaan baik.	• Mengurus dan mengawal kawasan berhimpun. • Menyelia Pegawai Tingkat serta memberi panduan sekiranya perlu. • Mengumpul senarai semak kiraan kakitangan yang diberi oleh Pegawai Tingkat. • Melaporkan kepada Komander berkenaan kehilangan kakitangan sekiranya dimaklumkan oleh Pegawai Tingkat	• Melaporkan kerosakan-kerosakan akibat dari kejadian kecemasan yang berlaku. • Membantu di dalam menyemak semula keberkesanan Pelan Tindakan Kecemasan sediada. • Menyerahkan senarai semak kiraan kakitangan kepada Pencatat Kejadian untuk direkodkan.

TINDAKAN SEMASA KECEMASAN

TINDAKAN SEMASA KECEMASAN

Kebakaran

- Aktifkan penggera kebakaran dengan memecahkan "Break Glass) atau maklumkan kepada Ahli Pasukan Tindakan Kecemasan.
- Dapatkan bantuan dan cuba padamkan api sekiranya selamat dilakukan.
- Jangan mengambil tindakan yang boleh memudaratkan diri.
- Keluar dari bangunan sekiranya keadaan tidak selamat.



TINDAKAN SEMASA KECEMASAN

Gegaran :

- Berlindung di bawah peralatan yang kukuh seperti meja.
- Elakkan diri berada berhampiran dengan tingkap atau pintu kaca.
- Cari tempat yang kukuh seperti tiang utama
- Bergerak bersama peralatan yang digunakan sebagai pelindung semasa gegaran.
- Beri perhatian pada objek-objek yang jatuh seperti siling, lampu dan pepasang dsb.
- Guna apa saja yang boleh dipegang untuk melindungi kepala/muka seperti fail, surat khabar, kain dsbnya
- Jangan panik sekiranya penggera kebakaran berbunyi atau alat pemadam api diaktifkan.
- Jauhkan diri dari bangunan sekiranya berada di luar bangunan.

TINDAKAN SEMASA KECEMASAN

Putus Bekalan Kuasa :

- Tutup semua suis lampu bagi mengelakkan kerosakan sekiranya voltan elektrik meningkat secara tiba-tiba.
- Pastikan semua suis peralatan di posisi TUTUP bagi mengelak Pemutus Litar terpelantik atau Fius terbakar atau kerosakan peralatan akibat arus elektrik apabila bekalan elektrik pulih.
- Buka pintu atau tingkap bagi meningkatkan pengudaraan, bagi mereka yang berada dalam bilik tidak bertingkap adalah perlu keluar dari bilik tersebut.
- Laporkan kepada ahli Pasukan Tindakan Kecemasan sekiranya terdapat orang terperangkap di dalam lif.

TINDAKAN SEMASA KECEMASAN

Kecederaan atau Tidak Sedarkan Diri:

- Pastikan tiada bahaya yang boleh memudaratkan diri semasa membantu mangsa...contoh sambungan elektrik dimatikan sekiranya mangsa terkena renjatan.
- Jangan alihkan mangsa sekiranya mangsa tidak boleh bergerak...atau tidak sedar diri
- Maklumkan kepada rakan untuk menghubungi First Aider dan Unit Kecemasan di talian 999.
- Sekiranya berlaku pendarahan pastikan lakukan tekanan pada bahagian yang luka (mesti memakai sarung tangan)
- Jangan tinggalkan mangsa keseorangan sehingga bantuan sampai.

TINDAKAN SEMASA KECEMASAN

Wabak Penyakit:

- Memastikan kesahihan wabak dari pihak berkuasa berkaitan dahulu.
- Mengasingkan / kuarantin pembawa wabak.
- Mendapatkan nasihat bagi tindakan susulan kawalan wabak.
- Mengenalpasti dan memaklumkan pada pihak berkuasa
- Melaksanakan tindakan susulan pengawalan wabak seperti pengosongan, pembersihan dan pemulihan semula bangunan / kawasan.
- Memastikan keadaan selamat sebelum diduduki semula.

TINDAKAN SEMASA KECEMASAN

Rusuhan :

- Menilai status kecemasan dan menentukan tahap tindakan perlu diambil
- Memaklumkan kepada pihak berkuasa (sekiranya perlu).
- Memaklumkan kepada penghuni bangunan situasi semasa.
- Mengawal laluan keluar masuk ke bangunan atau kawasan yang terlibat.
- Menunggu tindakan / arahan seterusnya dari pihak berkuasa.


TINDAKAN SEMASA KECEMASAN

Ancaman Bom / Pengganas / Sabotaj:

- Menerima laporan serta memaklumkan ancaman kepada pihak berkuasa.
- Secured the suspected area
- Memastikan keadaan penghuni adalah tenang dan terkawal.
- Menunggu arahan selanjutnya dari pihak berkuasa.

TINDAKAN SEMASA KECEMASAN

Pengungsian Bangunan



TINDAKAN SEMASA KECEMASAN

Pengungsian Bangunan

- **Pemberitahuan Penggera Kebakaran;**
 - Secara manual dengan memecahkan “Break Glass System”
 - Pengaktifan sistem Pengesan Asap / Haba
- **Amaran Penggera Kebakaran**
 - Loceng Penggera Kebakaran berada di setiap tingkat akan berbunyi apabila sistem diaktifkan. Amaran Penggera Kebakaran akan berbunyi dalam dua peringkat:-
 - Peringkat 1 – Bunyi bersela adalah amaran sedia untuk mengungsikan bangunan. Pada peringkat ini Penjaga Tingkat perlu mengenalpasti situasi semasa.
 - Peringkat 2 – Bunyi berpanjangan adalah amaran pengungsian. Penjaga Tingkat perlu mengesahkan serta mengarahkan tindakan pengungsian jika ianya situasi kecemasan.

TINDAKAN SEMASA KECEMASAN

Pengungsian Bangunan

Prosidur Pengungsian Bangunan

Jika keadaan tidak terkawal atau kerosakan teruk pada bangunan atau diarahkan oleh pihak Berkuasa:

- **Arahan untuk memaklumkan situasi kecemasan kepada BOMBA , POLIS, JPAM & Hospital.**
- **Pengisytiharan pengungsian dibuat.**
- **Pengaktifan loceng amaran secara berterusan. (Penggera Kebakaran) pada semua tingkat.**



TINDAKAN SEMASA KECEMASAN

Pengungsian Bangunan

- Ahli Pasukan Tindakan Kecemasan ERT (Emergency Response Team) kecuali Penjaga Tingkat berkumpul di Bilik Kawalan untuk mendapatkan arahan.
- Semua laluan keluar masuk bangunan dikawal.
- Arahan penghuni tingkat untuk mengosongkan bangunan melalui laluan/tangga kecemasan ke tempat berkumpul. Pastikan pintu tahan kebakaran ditutup sepenuhnya.
- Penghuni perlu keluar dengan seberapa segera mengikut laluan yang ditetapkan. JANGAN GUNA LIF.



TINDAKAN SEMASA KECEMASAN

Pengungsian Bangunan



- OKU/PWD perlu ditemani atau dibantu oleh kakitangan yang sihat ketika pengungsian.
- Ahli Pasukan Tindakan Kecemasan mengambil kedudukan yang ditetapkan
- Proses pengiraan jumlah penghuni dilakukan. Memaklumkan kepada Pegawai Perhimpunan dengan segera sekiranya terdapat kehilangan atau kekurangan jumlah penghuni.
- Melaporkan status penghuni kepada Pegawai Perhimpunan

TINDAKAN SEMASA KECEMASAN

Pengungsian Bangunan

- Melaporkan status penghuni kepada Pegawai Perhimpunan
- Melaporkan status jumlah penghuni yang telah keluar dari bangunan kepada Komander.
- Melaporkan kepada BOMBA status pengungsian.
- Mendapatkan pengesahan pihak BOMBA untuk memasuki bangunan semula.
- Arahan larangan/kebenaran memasuki semula bangunan.

TINDAKAN SEMASA KECEMASAN

Pengungsian Bangunan



PAPAN TANDA TEMPAT BERKUMPUL

Perlu mengikut standard yang ditetapkan dan diletak tempat yang lapang

PERALATAN/KEMUDAHAN/ LATIHAN

PERALATAN / KEMUDAHAN KECEMASAN

	Senarai Peralatan / Kemudahan	Lokasi
1	Pengesan Asap	Semua tingkat
2	Pengesan Kepanasan	Bilik Mekanikal dan Elektrik
3	Manual Titik Panggilan Pecah Gelas	Semua tingkat
4	Loceng amaran	Semua tingkat
5	Sub-Panel Penggera Kebakaran	Riser Keselamatan
6	Panel Utama Penggera Kebakaran	Bilik Kawalan Bangunan
7	System Supervisory PC	Bilik Kawalan Bangunan
8	Sistem Interkom Bomba	Semua tingkat
9	Sistem Alamat Awam	Semua tingkat
10	CMS (Hubungan terus ke Balai Bomba)	Bilik Kawalan Kecemasan
11	First Aid Box	
12	Wheel Chair and Stretcher	Bilik Kawalan Kecemasan
13	Loud Hailer	Bilik Kawalan Kecemasan
14	Walkie Talkie	Bilik Kawalan Kecemasan
15	Papan Tanda Tingkat	

LATIHAN PERSEDIAAN KECEMASAN

BIL	PERLAKSANAAN LATIHAN	BILA	PIC
1	Latihan kesedaran Tindakan Kecemasan		
2	Latihan Pelan Tindakan Kecemasan		
3	Praktikal Menggunakan Alat Pemadam Api Mudah Alih (1 kali setahun)		
4	Latihan “BOFA” untuk First Aider (1kali 2 tahun)		
5	Pengungsian (1 kali setahun)		
6	Latihan Kebakaran (1 kali setahun)		

